

Harian Metro 02/05/2010

MIS V13

Promosi Kraf kreatif

Hari Kraf Kebangsaan berlangsung sebulan

>>Oleh Syah Rul Aswari
Abdullah

srul@hmetro.com.my

MENERUSKAN tradisi kesinambungan tahun lalu, sambutan Hari Kraf Kebangsaan (HKK) 2010 tahun ini diadakan selama sebulan mulai 24 Februari lalu.

Acara wajib dalam kalendar pelancongan negara ini dianjurkan bagi menghargai sumbangan semua pihak dalam membangun dan mempro-

mosikan industri kraf negara. Tahun ini, acara bertemakan 'Kraf Kreatif dan Inovatif' berlangsung di Kompleks Kraf Kuala Lumpur (KKKL) di Jalan Conlay.

HKK dipenuhi gerai jualan, demonstrasi kraf dan persembahan seni tradisional.

Peminat seni ukiran kayu dapat menyaksikan rekaan terkini dan berinovasi sesuai untuk hiasan di pintu, tingkap, anjung, lantai, tiang seri dan ruang kediaman dan pejabat.

Ini termasuk jenang tingkap, sisir angin, panel gerbang, tunjuk langit, sesiku kluang dan pagar musang, kekisi, curur atap, panel dinding dan pembahagi ruang.

Jika bercadang mengadakan majlis perkahwinan pada cuti sekolah ini, anda boleh mendapatkan cenderamata daripada produk logam seperti



KRAF SARAWAK...
kerusi panjang berbentuk keris.



TRADISI...
membuat alat muzik gambus.



UNIK...
Kiromboi alat muzik Bidayuh.

ACARA UTAMA

Festival Kraf
Tarikh: 24 Februari - 8 Mac
Masa: 10 pagi - 8 malam
(kecuali Jumaat - Sabtu sehingga 10 malam)

Promosi Kraf Malaysia (kompleks beli-belah)
Tempat: Aeon Jusco Alpha Angle, Great Eastern Mall, Pasar Seni
Tarikh: 9 - 24 Mac

Promosi Kraf Malaysia (hotel sekitar Kuala Lumpur)
Tempat: JW Marriott, Prince Hotel & Residence, Hotel Istana, Hotel Hilton Petaling Jaya, The Royale Chulan, Grand Season, Best Western Premier Seri Pacific
Tarikh: 13- 24 Mac

jemputan dipersembahkan dalam bentuk interaktif seperti demonstrasi pembuatan barang kemas dari Thailand, sulaman bordir (Indonesia) dan ukiran batu dan tenunan broked (China).

Pengunjung diajak menyertai pelbagai aktiviti termasuk menganyam tikar mengkuang, membuat wau dan mewarna payung.

Anda berpeluang merasai keenakan juadah tradisional seperti bahulu, putu kacang, kuih goyang, kuih karas, kuih denderam dan kuih kapit.

Sepanjang acara berlangsung, penganjur turut mengadakan pertandingan dikir barat dan wayang kulit.

Acara kemuncak HKK ialah peragaan fesyen kraf tekstil tempatan pada 5 Mac dan persembahan kumpulan Kopratasa pada 7 Mac.

replika tapak sirih, bekas gula-gula, gelung napkin dan pasu seramik.

Sementara, idea cenderahati korporat pula kraf hasil rimba meliputi tongkat, bingkai gambar dan ukiran kayu Orang Asli.

Pengunjung turut berpeluang melihat demonstrasi pembuatan dan mendengar alunan merdu alat muzik tradisional yang jarang didengar termasuk Rehab Ikan Buntal dari Pahang, Rebana Ubi dan Rebab (Kelantan), Angklung dan Gambus (Johor), Serunai (Kedah), Gendang (Terengganu), Sompoton (Sabah), Kompang (Perak) dan Sape (Sarawak).

Kraf antarabangsa menerusi

Info > Penganjur menyediakan perkhidmatan van pengantaraan mulai jam 10.15 pagi dan 8 malam di hentian bas KLCC, hentian bas Ampang Park, hentian bas Bukit Bintang, depan Wisma Kraf-tangan (berdekatan Star-LRT Masjid Jamek) dan depan KFC Pertama Kompleks.

> Maklumat lanjut jadual acara HKK, layari www.kraf-tangan.gov.my atau hubungi KKKL di talian 03-2162 7533. Masuk percuma.